Khamis, 21 November 2019
Tel: 1 300 22 6787
PP 8501(07/2013(032851)
BH 530

BH VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

Cabaran nikah muda

Ikatan perkahwinan bukan halangan tidak bergiat aktif di kampus

Kuala Lumpur: Ramai berpendapat perkahwinan ketika masih belajar di universiti mempunyai kebaikan dan keburukan kepada pembangunan mahasiswa sehingga menyebabkan ibu bapa memastang keputusan berkemasan atas pelbagai faktor dan alasan termasuklah aspek pemberian nafkah serta pengurusan masa.

Meskipun begitu, bagi mahasiswa yang memilih untuk mendirikan rumah tangga ketika masih dalam pengajian di universiti, sudah tentunya pelbagai faktor sudah diambil kira demi keharmonian rumah tangga dan kelangsungan pengajian di universiti.

Kemudahan teknologi yang ada pada hari ini juga dilihat banyak membantu mahasiswa yang sudah berkahwin untuk menjana pendapatan sampingan selain memudahkan komunikasi dengan ahli keluarga yang terpaksa berjauhan kerana tuntutan pengajian.

Dalam pada itu, berdapat juga mahasiswa yang sudah berkahwin berjaya membuktikan bahawa keputusan untuk mendirikan rumah tangga ketika dalam pengajian bukan satu yang mendatangkan keburukan apabila dinobatkan sebagai penerima anugerah cemerlang sebaik menamatkan pengajian, sekali gus menjadi inspirasi kepada pelajar lain untuk turut sama berjaya dalam pelajaran masing-masing.

Minggu ini, wartawan *Varsiti BH*, **Nor Azma Laila** mengupas isu ini, berutama sejauh mana tanggungjawab yang terpaksa dipikul seorang mahasiswa yang memilih untuk berkahwin ketika masih belajar. Adakah ia sesuatu yang membebankan atau menambah semangat dan tanggungjawab mereka untuk terus cemerlang, walaupun sudah berkeluarga.

Muka 3

MIDANG REDAKSI

Pengarang Kumpulan BH
Khairie A. Majid

Pengarang Eksekutif Kanan
Sadan Idris

Pengarang Eksekutif Kanan/Ketua Eksekutif Strategi
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Eksekutif Berita dan Digital
M Thillainadan

Pengarang Eksekutif Pengurusan
Azhar A. Samah

Pengarang Kumpulan BH Vertical Pendidikan
Hidayat Yap

Pengarang Pengarang Berita Pendidikan
Mohd Zin Mohd Ali
Basir Zahran

Penulisan
Nor Azma Laila
Nur Nazeela Nadiah
Mohd Khairul Anam Md Shahrudin

Ahli Eksekutif
Mohd Rafizan Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator
Khairul Anuar Md Nor (Tian)

E-mail: bhvarsiti@bh.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300 22 6787

Berita Kanan / Vertical Pendidikan
Tel: 1300 22 6787 sambung 3208
Faks: 03-4045 7081

LIBGUANA
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar MDTP 21, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
E-mel: educate@mdtp.com.my
mediapro@bh.com.my
Talian: 7772
Tel: 03-4044 8888

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
bhvarsiti@bh.com.my
Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bharianonline.com.my

@bharianonline

@bharianonline

Tuntut banyak pengorbanan

Mendirikan rumah tangga pada usia muda depani pelbagai cabaran

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Pernikahan adalah suatu tuntutan yang tidak dapat dipisahkan dalam memperkesakan sistem kekeluargaan malah semakin ramai mahasiswa pada hari ini membuat keputusan untuk mendirikan rumah tangga ketika usia muda.

Selain berkahwin ketika masih dalam pengajian, terdapat juga pasangan yang sudah mendirikan rumah tangga tetapi membuat keputusan untuk terus mengumbang pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi atas alasan peningkatan kerjaya pada masa depan.

Tidak kirasah bila pelajar itu bergelar suami atau isteri, kemampuan belajar dan pada masa yang sama perlu melalaikan tanggungjawab kepada rumah tangga menuntut banyak pengorbanan dan berdepan pelbagai cabaran termasuklah aspek kewangan, pengurusan masa dan komitmen kepada bidang pengajian itu sendiri.

Bagi Nur Afiqah Ayub yang baru saja menamatkan pengajian dalam jurusan Bacelor Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL) di Universiti Putra Malaysia (UPM), cabaran yang dihadapi merangkumi pelbagai aspek, termasuk pengurusan masa dan tanggungjawab sebagai ibu sepanjang menuntut di universiti.

Nur Afiqah Ayub

Muhammad Amali Kamaruddin

Lokman Hakim Mohamed

Izzal Khairi Ramli

Beliau yang berkahwin ketika berada di semester empat pengajian terpaksa berdepan cabaran berpantang cuma dua minggu dan perlu menghadiri sesi kuliah ketika masih dalam tempoh pantang kerana tidak mahu ketinggalan pengajian.

Keputusan itu juga dibuat kerana tidak mahu dilabel sebagai pelajar bermasalah, menyusahkan rakan dan anak dikorankan sebagai punca ketidakhadiran ke kuliah, sekali gus mengubah persepsi setengah pihak yang selah berangapan pelajar sudah berkahwin sering mengundang pelbagai alasan.

"Selain itu, saya juga terpaksa mencuri masa untuk mengepam susu bagi diberikan kepada anak yang ditinggalkan dengan pengasuh. Ada kalanya, suami akan bawa anak bersama untuk terus menyusu dengan saya.

"Saya sangat bertuah kerana dikurniakan suami yang sentiasa ada ketika senang dan susah. Memandangkan saya perlu hadir kuliah ketika masih dalam pantang dan kebanyakan kelas pula perlu memaki tangga menyebabkan ia sangat sukar untuk saya, syukrlah yang setia menghantar dan mendukung saya ke kelas sehingga saya boleh berjalan seperti biasa," katanya.

Sementara itu, pelajar Diploma Pemasaran di Politeknik Merlimau, Melaka (PMM), Lokman Hakim Mohamed yang mula mengembung pengajian pada Jun tahun lalu membuat keputusan untuk kembali menuntut ilmu bagi tujuan peningkatan kerjaya pada masa depan.

Beliau yang mendapat tawaran menyambung pengajian di PMM ketika isterinya sarat mengandungkan anak sulung, berdepan pelbagai cabaran sepanjang bergelar pelajar, termasuk perlu bijak membahagikan masa antara akademik dan keluarga.

"Memandangkan isteri kini menetap di Muar kerana tuntutan kerja sebagai jururawat di Hospital Muar, sayalah yang perlu berulang alik dari Melaka ke Muar setiap hari untuk memastikan saya dapat sebumbung bersama keluarga dan ia meralan belanja yang agak tinggi.

"Selain itu, saya juga perlu bijak curi masa bagi manalah pelajaran pada waktu malam supaya tidak diganggu oleh anak menandangkan cahaya mata saya itu masih kecil, iaitu berusia 18 bulan," katanya.

Pegawai Penyelidik Kanan, Institut Perubatan dan Penyiaran Ternaga (IPPT), Universiti Sains Malaysia (USM) yang kini menyambung pengajian dalam Jurusan Sarjana Sains Entomologi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhammad Amali Kamaruddin, berkata cabaran yang dihadapi merangkumi kedua-dua belah pihak antara suami, isteri dan anak-anak.

Katanya, tanggungjawab sebagai mahasiswa menyebabkan isterinya berdepan kesukaran dalam menguruskan dua orang anak seorang diri jauh dari di utara tanah air memandangkan beliau kini melanjutkan pelajar di Serdang, Selangor.

"Saya juga perlu kembali menyesuaikan diri dengan persekitaran sebagai pelajar kerana sudah lama meninggalkan dunia pengajian dan ia agak sukar kerana suasana belajar dan belajar adalah sesuatu yang berbeza.

"Selain itu, saya juga sering merindui isteri dan anak-anak menyebabkan saya akan pulang ke utara setiap minggu dengan menaiki bas dan kadang-kadang memandu sendiri bagi menjimatkan masa bersama isteri dan anak-anak yang menjadi pembakar semangat kepada diri saya dalam mengekalkan pengajian saya," katanya.

Sementara itu, pelajar doktor falsafah (PhD) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Izzal Khairi Ramli yang sudah berkahwin dan mengurusi empat anak, berkata sudah tentunya pengurusan masa adalah cabaran utama yang dihadapi bagi mahasiswa yang sudah mendirikan rumah tangga.

"Saya perlu bijak membahagikan masa untuk diri sendiri, pelajaran dan keluarga. Selain itu, aspek kewangan juga turut menjadi satu cabaran besar bergantung kepada bidang pengajian yang dipilih oleh pelajar itu sendiri.

"Proses pengajian itu sendiri juga memberikan cabaran tersendiri bermulalah dari pendaftaran, fasa kajian pengolahan, pembentangan dapatan kajian sehingga perancangan terakhir untuk menamatkan pengajian mengikut keperluan yang ditentukan," katanya.

Mahasiswa yang sudah berkahwin perlu bijak bahagi masa. (Foto hiasan)

Perkahwinan pembakar semangat untuk terus cemerlang

Dari muka 1

Bagi graduan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Muhammad Alif Fitri Abdul Halim, perkahwinan adalah pembakar semangat kepada dirinya untuk terus berjaya dalam akademik.

Sesungguhnya diterjemahkan melalui usaha keras dalam menuntut ilmu sehingga beliau dipilih sebagai penerima Anugerah Naib Canselor sempena Majlis Konvokasyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-47, baru-baru ini, sekali gus mengubah persepsi setengah pihak yang beranggapan beliau tidak akan menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik kerana sudah berkahwin.

Katanya, perkahwinan akan menjadi pembakar semangat sekiranya mahasiswa sudah merancang dengan teliti mengenai hala tuju selepas mendirikan rumah tangga tetapi sekiranya keputusan yang dibuat itu atas dasar mengikut trend atau mahukan populariti tanpa perancangan rapi, ia akan menjadi beban di kemudian hari.

"Dalam konteks saya, isteri juga menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian al-Quran dan Multimedia sekali gus membolehkan untuk kami sama-sama mengulang kaji pelajaran dan bertukar pandangan mengenai bidang pengajian masing-masing.

"Meskipun terpaksa berjauhan dari pada isteri, ia bukan alasan untuk saya tidak menjalankan tanggungjawab sebagai suami termasuklah memberikan nafkah mempebakkan saya mengambil inisiatif membuat kerja sambilan bagi mendapatkan pendapatan sampingan," katanya.

Sepanjang menuntut di UKM, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Arab dan Tamadun Islam itu tidak pernah mendirikan ikatan perkahwinan sebagai halangan untuk bergiat aktif dalam pelbagai kegiatan kokurikulum dengan menjadi

Muhammad Alif Fitri Abdul Halim

Dr Ahmad Ilyas Rushdan

Pengarah Program Jejak Warisan Pemikiran Buya HAMKA di Padang, Indonesia dan Ketua Lajnah Penerbitan Kolab Mahasiswa Pengajian Arab dan Tamadun Islam (NAHDAH) selama dua penggal.

Anak muda yang dilahirkan di Teluk Intan, Perak itu juga turut menganggotai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Belia Grup Penjejak Tamadun Dunia dan menjadi sukarelawan dalam beberapa program khidmat sosial seperti sukarelawan Global Peace Mission Malaysia ke Pulau Siberut, Mentawai, Indonesia.

Sementara itu, graduan doktor falsafah (PhD) Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmad Ilyas Rushdan yang mendirikan rumah tangga ketika masih dalam pengajian di peringkat Ijazah sarjana muda turut sependapat bahawa perkahwinan itu adalah pembakar semangat bagi dirinya dan isteri.

Beliau yang menerima Pingat Emas MVP Doktor Falsafah pada Majlis Konvokasyen UPM ke-43 baru-baru ini, berpendapat ikatan perkahwinan akan menjadikan mahasiswa lebih fokus dalam mencapai matlamat hidup, namun ia perlu disulami dengan ilmu rumah tangga dan pengetahuan agama yang mantap.

Katanya, keputusan untuk meneruskan pengajian ke peringkat PhD bagi dirinya dan sarjana bagi isterinya, Siti Nur Atikah Mahamud, dibuat kerana minat yang mendalam terhadap bidang penyelidikan.

"Meskipun sudah mempunyai dua cahaya mata, kami tetap untuk meneruskan minat ini walaupun berdepan pelbagai cabaran, termasuk aspek kewangan yang tidak kukuh dan masalah meguruskan masa dengan bijak.

"Bagi menampung kehidupan dan kos pengajian di UPM, kami berniaga produk makanan seperti cheesekut, choco-jar dan ayam crispy dan pada masa yang sama, kami juga berkerja sebagai pembantu penyelidik kepada pensyelia masing-masing," katanya.